



KHN.0042 JLD. 2

16 Oktober 2018

Pendaftar Mahkamah Rayuan

Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya

Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak

Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya

Pendaftar Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak

**Pengarah Mahkamah Negeri
Seluruh Malaysia**

**Hakim Mahkamah Sesyen
Seluruh Malaysia**

**Timbalan Kanan Pendaftar / Timbalan Pendaftar /
Penolong Kanan Pendaftar / Penolong Pendaftar
Mahkamah Persekutuan / Mahkamah Rayuan /
Mahkamah Tinggi Malaya / Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak /
Mahkamah Rendah Malaya / Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak
Seluruh Malaysia**

**Majistret
Seluruh Malaysia**

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA

BIL. 4 TAHUN 2018

PANDUAN MEMPERKUKUH KESELAMATAN SISTEM E-MEL

Setelah berunding dengan YAA Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Hakim Besar Malaya dan YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak, dan selaras dengan Dasar Keselamatan ICT PKPMP, saya mengeluarkan Arahan Amalan ini sebagai Panduan Memperkukuh Keselamatan Sistem E-mel.

PEMAKAIAN ARAHAN AMALAN

2. Arahan Amalan ini terpakai kepada semua warga mahkamah di seluruh Malaysia.

PENULARAN E-MEL PHISHING

3. Dalam pengkomputeran, phishing (sebutan: 'fishing') adalah satu cubaan bersifat jenayah serta penipuan untuk mendapatkan maklumat sensitif di dalam perhubungan elektronik seperti nama pengguna, kata laluan, dan butir-butir kad kredit dengan menyamar sebagai entiti yang boleh dipercayai. Phishing selalunya dilakukan melalui e-mel atau pesanan ringkas, dan selalunya mengarahkan pengguna untuk memasukkan butir-butir pada laman web tertentu. Lazimnya mangsa penghantar e-mel phishing ialah pengguna e-mel yang sah yang menggunakan kata laluan yang mudah atau yang tidak pernah mengubah kata laluan default (yang diberikan oleh pentadbir sistem).

4. Kebelakangan ini, banyak e-mel berbentuk e-mel phishing telah menular di dalam rangkaian e-mel Kehakiman. Kajian yang dilakukan oleh pihak Bahagian Teknologi Maklumat (BTM) mendapati akaun penghantar e-mel phishing adalah merupakan akaun (pengguna) yang sah (*valid*). Terdapat pelbagai kaedah atau cara penularan ini berlaku dan kebiasaannya adalah berpunca daripada kata laluan yang lemah, kata laluan sementara (*default*) dan akibat terperdaya oleh e-mel yang diterima sehingga mendedahkan maklumat peribadi dengan mudah. Untuk makluman semua, pihak BTM mendapati seramai **608** pengguna e-mel kehakiman masih menggunakan kata laluan sementara.

PENUKARAN KATA LALUAN

5. Bagi mengurangkan penularan *phising mail* ini, saya mengarahkan warga Kehakiman agar mengubah kata laluan e-mel yang digunakan sekarang kepada kata laluan yang lebih kompleks tetapi mudah diingati.

Sebagai contoh : S@5a2l3p (Saya @da 5 anak 2 lelaki 3 perempuan).

Penukaran kata laluan ini adalah selari dengan **Dasar Keselamatan ICT PKPMP V2.1** di bawah tajuk **Pengurusan Kata Laluan Pengguna: Pengguna perlu disediakan dengan kata laluan sementara, dan pengguna perlu menukar kata laluan pada penggunaan pertama.**

PENGURUSAN KATA LALUAN

6. Saya juga mengarahkan supaya Yang Arif-Yang Arif/Tuan/Puan tidak memberikan kata laluan e-mel kepada pihak ketiga dan menukar kata laluan enam (6) bulan sekali atau apabila dikehendaki berbuat demikian.

Pengurusan kata laluan ini selari dengan **Dasar Keselamatan ICT PKPMP V2.1** di bawah tajuk **Tanggungjawab pengguna: Penggunaan Kata Laluan: j. Kata laluan hendaklah ditukar enam (6) bulan sekali (1) atau selepas tempoh masa yang bersesuaian.**

PENGURUSAN KANDUNGAN E-MEL

7. Saya juga mengarahkan supaya Yang Arif-Yang Arif/Tuan/Puan memastikan kandungan e-mel yang diterima mempunyai subjek dan kandungan e-mel yang berkaitan dan menyentuh perkara perbincangan serta mengelak daripada membuka e-mel daripada penghantar yang tidak diketahui atau diragui. Ini bagi melindungi pengguna serta aset ICT Kerajaan daripada aktiviti yang tidak diingini seperti phishing, ancaman virus, spamming, dan malware yang lain. Sekiranya Yang Arif-Yang Arif/Tuan/Puan mempunyai sebarang pertanyaan

berkenaan dengan e-mel yang diragui, Yang Arif-Yang Arif/Tuan/Puan bolehlah mendapatkan kepastian daripada BTM.

TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

11. Arahan Amalan ini mula berkuat kuasa pada tarikh Arahan Amalan ini dikeluarkan.



(Y.A.A. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA RICHARD MALANJUM)
Ketua Hakim Negara

Salinan Kepada:

EDARAN DALAMAN

YAA Presiden Mahkamah Rayuan
Mahkamah Rayuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

YAA Hakim Besar Sabah & Sarawak
Mahkamah Tinggi Kuching
Sarawak

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar (Polisi)
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Timbalan Ketua Pendaftar (Operasi)

Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Semua Pengarah Bahagian/Unit

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

Pustakawan

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

EDARAN LUARAN:

Peguam Negara

Jabatan Peguam Negara Malaysia
PUTRAJAYA

Ketua Bahagian Pendakwaan

Jabatan Peguam Negara
PUTRAJAYA

Ketua Bahagian Perbicaraan dan Rayuan

Jabatan Peguam Negara
PUTRAJAYA

Presiden

Majlis Peguam Malaysia
KUALA LUMPUR

Pengerusi

Persatuan Undang-Undang Sabah
SABAH

Pengerusi

Persatuan Peguambela Sarawak
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching
SARAWAK